

aab

DISKRIMINASI SECARA POSITIF PENTING BAGI DEMOKRASI, KATA MAHATHIR  
MKK - Mahathir

I

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata diskriminasi secara positif masih penting bagi dunia yang mengasihi demokrasi *clan* pembahagian kekayaan secara adil.

Peluang sama rata tidak memberi keputusan sama rata dan berkemungkinan meningkatkan perbezaan, katanya ketika merasmikan mesyuarat dua hari Menteri Kewangan Komanwel (MKK) di sini.

+Meminta orang tempang berlumba lari dengan seorang atlit bermula dari garisan yang sama akan mengakibatkan mereka tidak tiba di tempat penamat bersama. Kemungkinan besar jarak antara mereka berdua adalah jauh sekali, katanya.

Perdana Menteri berkata pendekatan paling mudah ialah memberkkan set iap orang peluang yang sama dan membiarkan mereka mencapai taraf secara tersendiri, dan in tentunya amat demokratik.

Itupun, katanya, penyokong kuat demokrasi sendiri menerima perlunya sistem mencukai yang kaya untuk membantu yang miskin.

+Sesuatukurangan bukannya sesuatu yang tidak demokratik. Ia sebenarnya sesuatu yang sama rata, katanya. Juga, jika digunakan kiasan yang sama, sesuatu pembedahan tidak mencukupi. Pesakit itu mesti selamat dan sembuh. -- Lagi

♥09/10/11-00MST

CNS 6004

U EB 09-10 00175 BB079

aab

MKK - Mahathir 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun dalam masyarakat satu kaum, perbezaan ketara kekayaan antara anggotanya akan menimbulkan perasaan iri hati, permusuhan dan persengketaan.

+Asas ideologi komunisme dan sosialisme ialah pembahagian kekayaan secara tidak adil *clan* perbezaan luas antara yang kaya dan miskin.

+Sekiranya, sbagai tambahan, yang kaya dan miskin dipisahkan dengan asal sul ethnik, maka potensi bagi berlakunya sesuatu pertikaian adalah lebih besar.

Mengambil Malaysia sebagai satu contoh, katanya, ia memiliki segala ramuan untuk berlaku konflik sosial dan keganasan kerana negara ini didiami oleh penduduk pelbagai kaum yang turut mengalami perbezaan peranan dan prestasi ekonomi.

Katanya, Malaysia menyokong sepenuhnya demokrasi, melindungi hak asasi manusia dan hak pekerja, menyokong kebebasan akhbar dan memastikan persekitaraan bebas daripada pencemaran.

+Malaysia mengamalkan demokrasi, mendokong hak asasi manusia dan pekerja serta berusaha sedaya upaya dengan kemampuannya yang terhad untuk melindungi alam selti tar. Tetapi penerimaan kesemua prinsip murni ini tidak semestinya menjamin keadilan dan kemakmuran rakyat dan negara, katanya.  
-- Lagi

♥09/10/11-18MST

CNS6017

u EB 09-10 00167 BB080

aab

MKK - Mahathir 3 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir berkata dunia sedang menyaksikan revolusi balas dengan terkuburnya komunisme dan lahirnya demokrasi dan penerimaan sistem pasaran terbuka di seluruh dunia.

+Tetapi adalah jahil bagi kita semua jika kita gagal menyaksikan bahawa kejayaan permulaan pengembangan demokrasi dan pasaran bebas bukannya kekayaan yang dijangkakan dan kemakmuran ataupun kestabilan dan kebebasan daripada ketakutan.

+Di kebanyakan negara dalam Soviet Union dan Eropah Timur, kita kini melihat peningkatan kemiskinan dan keadaan ekonomi yang kucar kacir, ketidakstabilan politik, perang saudara, kematian dan kemusnahan.

Katanya demokrasi adalah tersangat baik kerana ia merupakan sistem kerajaan ciptaan manusia yang paling sedikit kelemahannya.

+Tetapi sila ambil perhatian bahawa ia tidak sempurna sepenuhnya, +Itutanya dan menambah kata bahawa untuk melaksanakan sistem itu, demokrasi tidak boleh diterima hanya sebagai satu sistem.

+Untuk berjaya, rakyat mesti memahami bagaimana ia dilaksanakan, bagaimana untuk ia berjalan, bagaimana untuk berwaspada terhadap kelemahannya dan bagaimana untuk mengatasinya. + -- Lagi

♥09/10/11-39MST

U EB 09-10 00130 BB081

aab

MKK - Mahathir 4 Kuala Lumpur (akhir)

Perdana Menteri berkata bukan sahaja kerajaan yang niesti mengamal dan memahami pelaksanaan dan had demokrasi tetapi juga oleh seluruh rakyat, parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan kumpulan pendesak.

+Dan begitu juga kepada hak asasi manusia, hak pekerja, kebebasan akhbar dan perlindungan alam sekitar, + katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Kita seharusnya menggunakan apa jua keupayaan untuk mengembangkan demokrasi, hak asasi manusia dan sebagainya ... tetapi kita harus berhati-hati, dikhuatiri dalam keghairahan kita itu, kita memusnahkan orang yang ingin kita bantu.

+Sebaliknya pula, kita tidak boleh berpeluk tubuh dan menjadi penonton apabila diktator melanggar hak asasi rakyat mereka untuk menikmati kebebasan memilih, kebebasan daripada penekanan dan dalam pengekalannya manusia. + -- Bernama

♥09/10/11-51MST